

06 JUL 1999

Panggung Negara

PERSEMBAHAN PERCUBAAN PERTAMA PANGGUNG NEGARA PADA 9 JULAI

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Panggung Negara akan mengadakan persembahan percubaannya yang pertama pada 9 Julai ini sebagai persediaan bagi pementasan pertamanya September ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Mohamed Noh Rajab hari ini berkata persembahan Simfoni Orkestra Kebangsaan akan diadakan pada 9 dan 10 Julai ini sebagai percubaan bagi mengenal pasti kekurangan dalam mekanisme pentasnya.

Mohamed Noh yang ditemui selepas sesi taklimat dan lawatan ke Panggung Negara di sini menyatakan kagum dengan kelengkapan panggung itu yang menggabungkan alat-alat tercanggih di dunia.

Panggung Negara yang menelan belanja RM210 juta itu kini 97 peratus siap dan disenaraikan antara 10 panggung tercanggih di dunia serta setaraf dengan Royal Albert Hall di London.

Daripada segi pengisian, Panggung Negara akan memperuntukkan 200 hari persembahan muzik, teater dan tarian dari dalam dan luar negara, katanya.

Bagi memastikan pengisian ini dapat dipenuhi, kementerian akan bekerjasama dengan pihak-pihak terbabit dalam menyediakan bantuan daripada segi profesional, peralatan dan pemasaran.

Mohamed Noh berkata satu etika berpakaian akan ditetapkan bagi penonton orkestra.

Penonton dikehendaki hadir dengan berpakaian formal iaitu berkemeja dan berjaket bagi penonton lelaki dan pakaian yang sesuai bagi wanita.

Panggung Negara dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada September.

-- BERNAMA

ZUE AKD